

e-BULETIN HASiL

EDISI
2022 11

MATA WANG DIGITAL : APA YANG ANDA PERLU TAHU ?

CIRI-CIRI :

- TEKNOLOGI BLOCKCHAIN
- DESENTRALISASI
- PENERIMAAN 24 JAM / 7 HARI / 365 HARI

KONSEP UTAMA LAYANAN CUKAI :

- PENDAPATAN BERSIFAT HASIL vs PENDAPATAN BERSIFAT MODAL
- PERBELANJAAN BERSIFAT HASIL vs PERBELANJAAN BERSIFAT MODAL

CARA PEREKODAN :

- KOS PEMEROLEHAN
- MATA WANG DIGITAL TANPA NILAI DITERBITKAN
- PENYIMPANAN REKOD



1. MATA WANG DIGITAL : APA YANG ANDA PERLU TAHU ?

Mata wang digital merupakan aset kewangan digital yang berdasarkan teknologi lejar teragih (TLT). Nilai representasi digital bersekutui kriptografi atau hak kontrak yang boleh dipindahkan, disimpan atau didagangkan secara elektronik.

HASiL telah mengeluarkan Garis Panduan Layanan Cukai Ke Atas Transaksi Mata Wang Digital bagi memberikan panduan mengenai layanan cukai pendapatan berkenaan dengan transaksi e-dagang termasuk layanan cukai secara am bagi mata wang digital atau token digital.

Antara perkara yang perlu diberi penekanan berhubung mata wang digital adalah :

- i) Layanan cukai terhadap perniagaan mata wang digital atau menggunakan mata wang digital dalam perniagaan
- ii) Layanan cukai terhadap pelaburan dalam mata wang digital dan urus niaga lain yang melibatkan mata wang digital
- iii) Penentuan kos pemerolehan bagi tujuan percukaian, terutamanya melibatkan transaksi di peringkat antarabangsa
- iv) Penyimpanan rekod
- v) Petunjuk perdagangan

Petunjuk perdagangan ditentukan melalui :

- i) Kekerapan transaksi
- ii) Kerja tambahan
- iii) Keadaan realisasi
- iv) Motif
- v) Cara pembiayaan
- vi) Tempoh pemilikan
- vii) Sifat subjek
- viii) Faktor-faktor lain

Maklumat lanjut berhubung garis panduan ini boleh diperoleh daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Perundangan > Garis Panduan > Garis Panduan Teknikal

2. KALKULATOR PCB

Kalkulator PCB adalah sistem sokongan untuk mengira PCB. Sistem ini membenarkan pekerja mengetahui anggaran PCB yang perlu dikira oleh majikan setiap bulan. Amaun anggaran yang dipaparkan adalah hampir tepat kerana pekerja perlu memasukkan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan pendapatan dan potongan atas penggajian bulanan.

Antara kelebihan sistem ini adalah :

- i) Mudah digunakan
- ii) Menjimatkan masa
- iii) Sama atau hampir sama dengan cukai sebenar
- iv) Tiada cukai terlebih atau terkurang bayar jika semua potongan tambahan diambil kira dalam pengiraan
- v) Pengiraan boleh dilakukan pada bila-bila masa
- vi) Tiada jadual PCB
- vii) Tiada pengiraan secara manual untuk saraan tambahan
- viii) Pekerja boleh semak pengiraan yang dilakukan oleh majikan

Sistem ini boleh diakses melalui MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/> > Kalkulator PCB.

3. PENUTUPAN SEMENTARA PERKHIDMATAN BAYARAN MELALUI KAD KREDIT DI ByrHASiL

Bermula 1 Oktober 2022, HASiL telah menghentikan sementara penerimaan bayaran cukai menggunakan kad kredit di portal ByrHASiL bagi memberi peluang kepada pelaksanaan proses penambahbaikan perkhidmatan di pihak bank. Sepanjang tempoh ini, pembayar cukai masih boleh melakukan bayaran melalui medium berikut :

- i) FPX di ByrHASiL ;
- ii) Bank komersial yang dilantik oleh HASiL : Portal perbankan internet dan kaunter, dan
- iii) Kad kredit di Kaunter Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Kaunter Pusat Bayaran Cawangan Kota Kinabalu dan Kaunter Pusat Bayaran Cawangan Kuching.

Untuk maklumat lanjut berkenaan perkhidmatan bayaran yang disediakan, pembayar cukai boleh merujuk Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my dan membuat pilihan berikut :

- i) Individu : Menu Perkhidmatan > Individu > Kitaran Cukai Individu > Bayaran > Kaedah Pembayaran.
- ii) Syarikat : Menu Perkhidmatan > Syarikat > Pembayaran Cukai Syarikat > Kaedah Pembayaran.

4. SIJIL TARAF MASTAUTIN

Sijil Taraf Mastautin (STM) dikeluarkan untuk mengesahkan pembayar cukai adalah bermastautin di Malaysia dan membolehkan pembayar cukai menuntut manfaat di bawah PPPDK serta mengelakkan pencukaian dua kali ke atas pendapatan yang sama.

Oleh itu, STM hanya akan dikeluarkan bagi tujuan tersebut dan dengan rakan pejanji Malaysia sahaja.

Permohonan STM boleh dibuat secara manual atau melalui sistem [e-Residence](#).

STM akan dikeluarkan dalam tempoh 10 hari bekerja, sekiranya maklumat dan dokumen telah dikemukakan dengan lengkap. Pemohon akan dimaklumkan apabila STM telah disiap untuk diambil.

STM yang TIDAK DITUNTUT selepas TIGA (3) BULAN dari tarikh permohonan akan terbatal. Permohonan baharu perlu dikemukakan bagi STM yang telah dibatalkan.

Maklumat lanjut berhubung STM boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Antarabangsa > Sijil Taraf Mastautin

WASPADA DENGAN SCAMMER :

HASiL TIDAK AKAN MEMBERI NOMBOR AKAUN BANK BAGI TUJUAN BAYARAN CUKAI PENDAPATAN MELALUI PANGGILAN TELEFON/EMEL/SURAT. SILA GUNAKAN ByrHASiL BAGI BAYARAN CUKAI JIKA BERKAITAN.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.